SINAR HARIAN

Mat sabu tanding di Sungai Besar – m/s 1



# Mat Sabu tanding di Sungai Besar?

**"Siapa saja antara kami dan di luar daripada kami (parti komponen Pakatan Harapan) boleh menjadi calon (PRK)."**

4

SINAR HARIAN
Lawan tetap lawan – m/s1



Pas sama sekali tidak akan beri kemenangan percuma kepada BN, tetap letak calon di Kuala Kangsar dan Sungai Besar

# LAWAN TETAP LAWAN

"Malulah kita sebagai orang politik nak beri kemenangan percuma kepada mereka (BN). Pas tidak akan sesekali berbuat demikian."
- Timbalan Presiden, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man



▲ Tuan Ibrahim (depan empat, kanan) bergambar bersama perwakilan Muktamar Dewan Pemuda Pas Negeri Pulau Pinang kali ke-36, semalam.

SINAR HARIAN
BN belum bincang siapa calon Sungai Besar – m/s4

# BN belum bincang siapa calon Sungai Besar

**SHAH ALAM –** 'Tak timbul lagi isu calon lelaki, wanita atau veteran Umno sebab belum ada lagi perbincangan di peringkat tertinggi parti setakat ini."

Itu reaksi Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Sohaimi Shahadan ketika ditanya mengenai calon BN PRK Sungai Besar.

Beliau berkata, BN akan mengetengahkan calon terbaik bagi mempertahankan kerusi parlimen berkenaan.

"Saya yakin kita akan mengemukakan calon yang menonjol dan mampu mengambil hati rakyat di Sungai Besar.

"Calon yang dikemukakan juga mampu meneruskan kesinambungan kerja yang di-



SOHAIMI

sumbangkan Allahyarham Datuk Noriah Kasnon sebelum ini," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurutnya, BN juga mempunyai formula tersendiri dalam memilih calon.

"Biasanya, pemilihan calon dilakukan secara bijaksana dengan menerima cadangan dari peringkat bahagian untuk mengemukakan calon kepada pengerusi perhubungan negeri.

"Calon yang terpilih kemudiannya akan dibawa kepada presiden parti untuk dinilai sama ada layak untuk bertanding atau tak," katanya.

Sohaimi berkata, BN sudah berpengalaman di dalam PRK dan tidak mempunyai masalah mencari calon yang bersesuaian di Sungai Besar.

"Kami bukan macam parti belah sana, belum letak calon dah berbalah sesama sendiri.

"Bagaimana mahu berkhidmat untuk rakyat kalau mereka sendiri tak ada persefahaman," katanya.

SINAR HARIAN

Tun M harap pembangkang bersatu tumbangkan BN – m/s6

# Tun M harap pembangkang bersatu tumbangkan BN

**SHAH ALAM** - Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berharap agar pembangkang berjaya menumbangkan BN pada dua PRK yang akan diadakan pada 18 Jun nanti.

Beliau berkata, parti pembangkang perlu bersatu menghadapi PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar bagi memastikan hasrat untuk menang kedua-dua kedua-dua kerusi parlimen berjaya dicapai.

"Besar harapan saya mahu melihat BN ditewaskan oleh pembangkang, tapi biarlah dengan cara satu lawan satu sahaja.

"Jika ramai yang nak bertanding nanti undi pecah, macam yang berlaku baru-baru ini pada Pilihan Raya Negeri Sarawak...sudahnya menang jadi arang, kalah jadi abu," katanya ketika berucap pada Himpunan Selamatkan Malaysia di Stadium Malawati Shah Alam, malam kelmarin.

Mahathir juga menegaskan, isu perebutan kerusi (melibatkan parti pembangkang) tidak sepatutnya timbul sebaliknya meletakkan fokus sama iaitu menjatuhkan BN.

"Apabila BN kalah, maka ia juga menjadi satu isyarat yang cukup jelas bahawa rakyat sememangnya menolak kepimpinan Datuk Seri Najib Tun Razak yang terlibat dengan banyak isu memalukan," katanya.

Mengulas mengenai langkah Pas yang mahu meletakkan calon di dua kerusi berkenaan, Mahathir menegaskan bahawa perkara berkenaan tidak seharusnya dijadikan penghalang besar kepada pembangkang untuk membuat keputusan.

"Jangan pertikai siapa calon di kerusi berkenaan, kalau pun (calon) dari parti Pas dan Pas tidak bersama kita, apa yang penting matlamat utama adalah untuk mengalahkan BN pada PRK itu nanti.

"Ia akan menjadi bukti bahawa kemenangan di Sarawak bukanlah kemenangan Najib walau dah banyak keluar duit masa PRN baru-baru ini, tetapi kemenangan itu hanya sebab memikir kepentingan Sarawak semata-mata dan bukan sokongan kepada Najib," katanya.

SINAR HARIAN

Kenyataan Tun M beri cabaran besar – m/s6

# 'Kenyataan Tun beri cabaran besar'

**JOHOR BAHRU** – Kenyataan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang mahu BN kalah pada PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar adalah cabaran besar kepada BN.

Pengerusi Kelab Penyokong BN, Tan Sri Shahrir Abdul Samad berkata, itu adalah peluang Mahathir menunjukkan kesan sokongan rakyat yang diperoleh daripada Deklarasi Rakyat.

"Ini sungguh mencabar bagi BN kali ini dan Umno khususnya kerana kedua-dua kawasan PRK sebelum ini diwakili wakil rakyat Umno," katanya, semalam.



**Shahrir menerima cenderamata daripada Presiden Kumpulan Sokongan Kanser Payudara Johor Bahru, Lim Lee Too.**

Menurutnya, Pakatan Harapan pastinya mahu Mahathir turun berkempen bagi pihak calon mereka dan jentera Umno juga perlu bekerja kuat kerana kehadiran beliau boleh menggugat keyakinan pengundi kepada BN.

SINAR HARIAN

Kedudukan kerajaan Selangorn goyah – m/s7

# Kedudukan kerajaan Selangor goyah

**Dari Akhbar Cina**

ONG BOON TECK



Selepas DAP mengambil keputusan memecat keahlian Adun Teluk Datok, Loh Chee Heng kelmarin kerana didakwa menyalahgunakan peruntukan Dun, kedudukan Kerajaan Negeri Selangor kini dikatakan dalam keadaan kurang stabil.

***Orientaldaily*** dalam laporannya semalam merumuskan sekiranya Chee Heng yang kini sudah bukan ahli DAP lagi, menjadi orang penting dalam pembentukan kerajaan negeri di Selangor.

Ini kerana, sekiranya Adun Teluk Datok itu memberi sokongan kepada BN dengan melompat ke mana-mana parti komponen dalam BN, ini akan memberi peluang kepada Pas dan BN bergabung menubuhkan kerajaan negeri bersama.

Pada PRU lalu, Pas mempunyai 15 Adun dalam Dun Selangor dan Umno mempunyai 12 Adun. Jika dicampur dengan Chee Heng dan seorang lagi Adun bebas, iaitu bekas Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim, Pas-Umno mempunyai 29 Adun berbanding Pakatan Harapan yang berjumlah 27 Adun.

Dengan kata lain, perbezaan dua kerusi ini akan memungkinkan kuasa tampuk kepimpinan kerajaan negeri Selangor boleh bertukar tangan pada bila-bila masa. Namun apakah Pas bersedia berpaling tadah meninggalkan rakan sekutunya, PKR untuk membentuk kerajaan baharu bersama Umno?

Kata akhbar ini lagi, inilah ujian yang dihadapi Menteri Besar, Azmin Ali untuk mengelakkan kerajaan negeri di bawah kepimpinannya terus berada dalam keadaan genting dan goyah.

Bagaimanapun, kata akhbar ini, Pas buat ketika ini masih tidak berganjak daripada pendirian dengan kekal bersama PKR dan DAP untuk sama-sama menerajui jentera kerajaan negeri. Tambahan pula, daripada 15 Adun Pas itu, dipercayai bukan semua wakil rakyatnya yang menyokong penubuhan kerajaan campuran dengan Umno.

Mengenai isu Kabinet baharu di Sarawak, hampir semua akhbar Cina semalam menumpukan laporan mengenai ketiadaan kaum Cina dilantik sebagai timbalan ketua menteri yang diumumkan Ketua Menteri, Tan Sri Adenan Satim, kelmarin.

Terkejut dan kecewa. Itulah perasaan yang boleh digambarkan oleh masyarakat Cina di Sarawak khasnya kerana walaupun diperuntukkan sebanyak tiga jawatan timbalan ketua menteri, tidak ada seorang pun diwakili oleh kaum Cina.

***Sin Chew Jit Poh*** melaporkan, walaupun pengundi Cina memberikan sokongan yang menggalakkan kepada BN dalam PRN minggu lalu, tetapi jawatan timbalan ketua menteri yang ditunggu-tunggu mereka selama ini tidak menjadikan kenyataan.

Pada sidang akhbar yang diadakan Adenan kelmarin, beliau menafikan pernah berjanji akan memperuntukkan jawatan timbalan ketua menteri kepada kaum Cina, sebaliknya berkata, jawatan itu hanya akan diberikan jika SUPP menang dalam semua kerusi ditandangi mereka dalam PRN lalu.

Akhbar ini mempersoalkan dengan tidak memperoleh timbalan ketua menteri dalam Kabinet negeri, apakah kaum Cina di Sarawak akan terpinggir? Akhbar ini juga melontarkan pertanyaan apakah mungkin Cina di Sarawak telah salah faham akan janji yang dibuat oleh Adenan ketika kempen PRN lalu.

Adenan adalah seorang pemimpin yang berkaliber. Kata akhbar ini, beliau cuba menaburkan janji-janji yang menarik bagi mendapatkan seberapa banyak sokongan daripada masyarakat Cina.

Sama ada janji-janjinya ditunaikan ataupun tidak, apa yang diusahakan oleh Adenan sepanjang tempohnya sebagai ketua menteri tetap dipuji dalam menjaga kepentingan semua kaum di Sarawak.

Kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang mencadangkan kerajaan negeri Sarawak menggubal perlembagaan agar memperuntukkan empat jawatan timbalan ketua menteri sedikit sebanyak melegakan kaum Cina di negeri itu.

Cadangan menambah satu lagi kerusi timbalan ketua menteri itu dikatakan akan diperuntukkan kepada wakil Cina pastinya diterima baik dan disokong.

SINAR HARIAN

Himpunan Selamatkan Malaysia dapat sambutan – m/s10

# Himpunan Selamatkan Malaysia dapat sambutan



Mahathir bersama Presiden Amanah, Mohamad Sabu dan Menteri Besar Selangor, Datuk seri Mohamed Azmin Ali ketika hadir ke Himpunan Selamatkan Malaysia, malam kelmarin.

**SHAH ALAM -** Himpunan Selamatkan Malaysia di Stadium Malawati, Shah Alam, malam kelmarin mendapat sambutan dan dihadiri barisan kepimpinan Pakatan Harapan.

Himpunan dihadiri lebih 300 penyokong itu bersemangat selepas bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad yang memaklumkan sebanyak 1.3 juta tandatangan Deklarasi Rakyat secara fizikal dan atas talian, telah berjaya diperoleh.

Tun Mahathir ketika berucap memaklumkan, akan menghantar kesemua Deklarasi Rakyat yang ditandatangani kepada Yang di-Pertuan Agong dan Majlis Raja-Raja dalam masa terdekat.

"Kita berharap tuanku dan Raja-Raja Melayu akan menerima maklum bahawa penolakan terhadap kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak adalah suara hati rakyat dan bukan dibangkitkan atas motif politik.

"Saya akan hantar semua Deklarasi Rakyat ke istana (Yang di-Pertuan Agong) dalam masa terdekat. Ia adalah sentimen majoriti dan penolakan rakyat terhadap kepimpinan Najib sebagai Perdana Menteri yang memburukkan lagi situasi negara," katanya.

"Apa yang diharapkan ia mendapat perhatian seterusnya mengubah landskap pentadbiran negara yang semakin hari semakin menyesakkan," katanya.

SINAR HARIAN
Pas tak ada hak – m/s35

# 'Pas tak ada hak'

## Negara amal demokrasi, semua parti berhak letak calon

**HAFEZDZULLAH HASSAN**

**SHAH ALAM** – Pas tidak berhak menghalang mana-mana parti politik meletakkan calon mereka di Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar.

Pengerusi Parti Amanah Negara (Amanah) Selangor, Ir Izham Hashim berkata, tidak ada pihak yang boleh menghalang sesebuah parti yang mahu bertanding di mana-mana kerusi kerana negara mengamalkan prinsip demokrasi.



IZHAM

"Selagi parti itu berdaftar, sah di sisi undang-undang dan memenuhi syarat untuk bertanding, mereka boleh bertanding di mana-mana sahaja kerusi yang dimahukan.

"Tak ada pihak yang boleh menentukan sesebuah parti itu boleh bertanding atau tak di sesebuah kerusi yang mereka mahukan," katanya mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menyarankan agar mana-mana parti yang mahu bertanding di Parlimen Sungai Besar supaya mengukur baju di badan sendiri terlebih dahulu.

Izham berkata, tidak timbul isu Parlimen Sungai Besar kerusi tradisi Pas kerana pilihan terletak di tangan pengundi.

"Kalau kata ukur baju di badan sendiri, dah tentu Pas juga tak akan bertanding di Sarawak kerana itu bukan tempat mereka.

"Dari situ pun kita tahu parti yang berusia 60 tahun itu pun kehilangan wang pertaruhan kerana tak ukur baju di badan sendiri," katanya.

Dalam pada itu, Izham sempat menasihatkan presiden Pas itu supaya berhenti mengeluarkan kenyataan sedemikian rupa.

"Biarlah mana-mana parti nak bertanding di mana-mana sahaja kerusi yang mereka mahu sekali pun kerana itu hak mereka walaupun terpaksa kehilangan wang pertaruhan," katanya.

SINAR HARIAN
Pas Sungai Besar sudah hantar senarai calon – m/s35

# Pas Sungai Besar sudah hantar senarai calon

**SUNGAI BESAR** – Pas Kawasan Sungai Besar sudah menghantar lebih daripada tiga senarai calon kepada Majlis Syura Ulama parti itu untuk bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar, 18 Jun depan.

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Sallehen Mukhyi berkata, daripada senarai itu, Majlis Syura Ulama akan meluluskan senarai terbabit sebelum menyerahkannya kepada Jawatankuasa Pas Pusat.

Dalam pada itu, Sallehen yang juga Adun Sabak mengingatkan pengundi di Parlimen Sungai Besar agar mengundi Pas dalam PRK bagi menunjukkan kesungguhan mereka menentang pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

"Kita nak PRK Sungai Besar sebagai satu tanda referendum rakyat kepada kerajaan persekutuan terhadap beberapa cukai yang membebankan rakyat," katanya kepada *Sinar Harian*.

SINAR HARIAN
Pas ghairah rampas kerusi – m/s35

# Pas ghairah rampas kerusi

**SHAH ALAM** – "Perkara biasa bagi penyandang sesebuah kerusi untuk mempertahankan hak mereka," kata Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin berhubung kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang menyarankan agar mana-mana parti yang mahu bertanding di Parlimen Sungai Besar supaya mengukur baju di badan sendiri.

Menurutnya, Hadi hanya mahu mempertahankan hak parti dan menjaga maruah dalam kalangan akar umbi dan pengundi mereka.

"Pas sebenarnya sekadar mengeluarkan komen awalan bagi menunjukkan minat dan keghairahan mereka un-



ZURAIDA

tuk merampas kerusi Parlimen Sungai Besar menjelang PRK nanti," katanya.

Beliau berkata, semua pihak seharusnya berbincang untuk mencapai kata putus sebelum meletakkan calon di Parlimen Sungai Besar.

"Objektif kita cuma satu iaitu menumbangkan BN dan perbincangan adalah cara terbaik sebelum membuat keputusan," katanya.

Sehubungan itu, beliau berharap, Pakatan Harapan dan Pas dapat duduk berbincang untuk mendapatkan persetujuan bagi memenuhi prinsip satu lawan satu di PRK Sungai Besar nanti.

"PRK Sungai Besar akan menjadi penanda aras pada PRU14 nanti sekiranya ada kesepakatan antara Pakatan Harapan dan Pas.

"Kalau ada perbincangan yang bawa kepada kata putus terbaik, kita tak ada masalah untuk berikan laluan," katanya.

SINAR HARIAN
Columbarium: MPK belum buat luluskan projek – m/s37

# Columbarium: MPK belum buat keputusan luluskan projek

**KLANG** - Majlis Perbandaran Klang (MKP) belum meluluskan projek pembinaan bangunan tempat menyimpan abu mayat (columbarium) lima tingkat di Lot 1092, Mukim Klang.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, masih belum ada sebarang keputusan dibuat kerana permohonan masih di peringkat awal.

"Kami baru nak proses permohonan dan sedang menilai sama ada dokumen yang dikemukakan lengkap atau tidak.

"Jadi, tidak timbul isu dah lulus atau sebaliknya. Bagaimanapun, saya nak maklumkan bahawa kawasan yang dimohon untuk projek tersebut memang kawasan disimpan khusus untuk tapak perkuburan," katanya.

Menurutnya, MPK tidak akan sewenang-wenangnya meluluskan sebarang projek tanpa melalui prosedur sepatutnya.

"Siap semua laporan, kami akan buat pendengaran awam dan baru putuskan. Kerana itu papan tanda dipasang bagi mendapatkan maklum balas daripada penduduk.

"Kalau bantahan didapati tidak munasabah, kami akan tolak. Begitu juga sebaliknya. Namun kami masih belum menerima bantahan rasmi daripada penduduk. Tiada sebarang surat dikemukakan setakat ini," katanya selepas Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Penghargaan Kepada Pesara MPK.

Beliau berkata, bantahan boleh dikemukakan dalam tempoh 21 hari, namun ia tidak dapat ditetapkan berikutan masih belum menerima dokumen lengkap bagi projek tersebut.

Baru-baru ini, penduduk Taman Bukit Lipat Kajang membantah cadangan pembinaan bangunan tempat penyimpanan abu mayat yang didakwa terlalu hampir dengan kawasan taman perumahan.

Mereka mendakwa pembinaan yang dicadangkan MPK itu akan mendatangkan pelbagai masalah antaranya kesesakan lalu lintas, gangguan bunyi bising apabila ada upacara sembahyang dan perayaan berikutan kedudukannya yang terlalu hampir dengan rumah penduduk.

Dalam kenyataan lain, Mohamad Yasid berkata, punca utama banjir kilat di Klang adalah disebabkan faktor kedudukan tanah.

"Kawasan ni memang semula jadi rendah satu meter dari paras laut. Jika berlaku pertembungan air pasang besar dan hujan lebat, tu yang menyebabkan banjir kilat. Walau pun dah buat saliran yang baik pun, ia pasti akan berlaku lagi.

"Longkang di bawah tanggungjawab MPK akan dipastikan bersih sepenuhnya untuk menghadapi banjir," katanya.

SINAR HARIAN
Pas tak beri BN menang percuma – m/s2

# 'Pas tak beri BN menang percuma'

■ MOHD ISKANDAR OTHMAN

**BUKIT MERTAJAM** - Pas tidak akan sesekali memberi kemenangan percuma kepada BN pada PRK Kuala Kangsar dan PRK Sungai Besar.

Timbalan Presidennya, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man berkata, Pas telah bersiap-sedia untuk menempuh kedua-dua PRK berkenaan dan yakin mampu mencapai keputusan yang membanggakan.

Menurutnya, gerak kerja untuk kedua-dua PRK berkenaan telah disusun dan semua jentera dari seluruh semenanjung akan turun ke dua-dua lokasi berkenaan bagi menjalankan kempen.

"Saya sebagai orang politik malulah nak beri kemenangan percuma kepada mereka (BN) dan Pas tidak akan sesekali berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media selepas merasmikan Muktamar Dewan Pemuda Pas Negeri Pulau Pinang kali ke-36, semalam.

Turut hadir, Pesuruhjaya Pas Negeri, Fauzi Mohd Yusof dan Ketua Dewan Pemuda Pas negeri, Afnan Hamimi Taib Azamudden.



TUAN IBRAHIM

Tuan Ibrahim berkata demikian mengulas kenyataan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Annuar Musa yang mahu pembangkang mempertimbangkan untuk memberi kemenangan percuma kepada BN.

Annuar sebelum ini berkata, BN pernah melakukan perkara yang sama di Dun Chempaka ekoran pemergian Allahyarham Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat pada tahun lalu.

Sementara itu, ketika ditanya mengenai senarai calon, Tuan Ibrahim berkata, pihaknya telah menerima empat nama untuk PRK Sungai Besar manakala tiga nama untuk PRK Kuala Kangsar.

Menurutnya, senarai nama yang diberikan itu akan diteliti oleh Majlis Syura terlebih dahulu untuk mengesahkan kelayakan.

Katanya, selepas diteliti kesemua nama itu akan dibawa kepada Jawatankuasa Pas Pusat untuk diputuskan calon yang akan bertanding pada kedua-dua PRK berkenaan.

"Setakat ini hanya itu sahaja (senarai calon) yang kami terima bagaimanapun sekiranya ada senarai nama lain kita masih boleh pertimbangkan kerana masih awal lagi sebelum menempuh PRK pada Jun depan," katanya.

SINAR HARIAN
Pas tidak akan beri muka – m/s2

# Pas tidak akan beri muka

**SHAH ALAM –** Pas sama sekali tidak akan memberi laluan mudah apatah lagi kemenangan percuma kepada BN atas alasan mahu 'membalas budi.'

Pengarah Pilihan Rayanya, Datuk Mustafa Ali berkata, Pas tetap akan bertanding di kedua-dua kerusi Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

"Tidak mungkin sama sekali. Pas tidak akan memberi BN laluan percuma bagi PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar," katanya.

SINAR HARIAN
Mustahil untuk menang percuma – m/s2

# Mustahil untuk menang percuma



KOK SEONG

**SHAH ALAM** - Parti pembangkang tidak mungkin memberikan kemenangan percuma kepada BN pada PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Penganalisis politik, Datuk Dr Teo Kok Seong berkata, ini disebabkan Pas sudah menyatakan hasrat untuk bertanding di dua kerusi terbut.

Malah katanya, Parti Amanah Negara (Amanah) juga bertegas mahu meletakkan calon untuk merebut dua kerusi Parlimen itu.

"Pasti ada pertandingan. Situasi di Sungai Besar dan Kuala Kangsar tidak sama dengan PRK Chempaka. Di sana, BN fikir ia tidak mempunyai harapan untuk menang kerana kawasan tersebut merupakan kubu kuat Pas.

"Sedangkan di Sungai Besar dan Kuala Kangsar, Pas mempunyai peluang yang cerah untuk menang terutama sekali jika pertandingan bersifat satu lawan satu," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga menyifatkan kenyataan Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Annuar Musa mengenai pembangkang seharusnya memberi kemenangan percuma kepada BN sebagai tidak demokratik.

"Kenyataan demikian bermaksud seolah-olah kita tidak mengamalkan demokrasi. Pertandingan perlu diadakan kerana rakyat berhak membuat pilihan mengikut amalan demokrasi," katanya.

SINAR HARIAN

Cakap-cakap siapa calon BN tanding Sungai Besar terus hangat diperkatakan – m/s4

# Cakap-cakap siapa calon BN tanding Sungai Besar terus hangat diperkata

**SABAK BERNAM** – Tujuh nama pemimpin Umno Sungai Besar antara yang disebut layak dipilih mewakili BN menghadapi PRK kerusi Parlimen itu.

Mereka yang dikaitkan termasuklah, Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Noriah Kasnon iaitu Muslimin Yahaya; Adun Sungai Panjang, Budiman Mohd Zohdi dan Ketua Umno Bahagian Sungai Besar, Datuk Jamal Md Yunos.

Tiga lagi nama lain yang mungkin dipertaruhkan untuk mempertahankan kerusi tersebut ialah Ketua Puteri Umno Sungai Besar, Widia Wati Abuzar; dua Ahli Jawatankuasa Umno Bahagian, Datuk Ishak Mat Arif dan Samad Wahab serta AJK Pemuda Bahagian Sungai Besar, Mohd Imran Tamrin.

Antara pengendali media sosial yang aktif dalam memberi kupasan dan pendapat berhubung calon PRK Parlimen Sungai Besar itu ialah pemilik akaun *Facebook* 'Zaki Sungib' yang mencadangkan agar Muslimin yang juga AJK Umno Bahagian Sungai Besar dipilih sebagai calon menggantikan 'bosnya' itu.

Zaki yang memuat naik status dalam *Facebook*nya mencadangkan agar Muslimin yang menjadi orang kanan Noriah dipilih untuk bergandingan dengan Jamal selaku ketua bahagian serta Budiman selaku wakil rakyat.

"Jawatan masing-masing tu boleh dimanfaatkan sebaiknya. Biar kalah pada jawatan, tapi menang khidmat kepada rakyat," tulisnya.

Sementara itu, pemilik akaun *Facebook* yang menggunakan identiti 'Jafri Selangor' pula meminta agar Budiman diangkat sebagai calon bagi kerusi Parlimen berkenaan.

"Jangan peningkan kepala. Pilih sahaja Budiman sebagai calon Parlimen Sungai Besar," katanya.

Noriah yang terkorban dalam nahas helikopter di Sarawak 5 Mei lalu telah memasuki tempoh tiga penggal menjadi Ahli Parlimen Sungai Besar sejak Pilihan Raya Umum 2004.

SINAR HARIAN

Boleh operasi tapi bersyarat – m/s38

# 'Boleh operasi tapi bersyarat...'

## Kerajaan negeri kenakan syarat untuk pengusaha ladang ternakan ayam, elak timbul isu pencemaran bau dan lalat

**KERLING** - Kerajaan negeri meluluskan pembinaan ladang ternakan ayam di Kerling dengan mengenakan syarat yang perlu dipatuhi pengusahanya bagi mengelakkan konflik dengan penduduk setempat.

Adun Kuala Kubu Bharu, Lee Kee Hiong berkata, syarat ketat dikenakan bagi mengelakkan masalah pencemaran bau dan lalat yang boleh membawa kepada bantahan penduduk.

Menurutnya, keputusan dibuat pada Mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Selangor (MTES), baru-baru ini.

"Tapi, pengusaha mesti patuh syarat dikenakan iaitu jumlah ternakan ayam tidak melebihi 40,000 ekor atas tapak seluas 0.28 hektar.

"Syarikat terlibat juga mesti mematuhi syarat ditetapkan MDHS (Majlis Daerah Hulu Selangor) dan lain-lain jabatan teknikal sekiranya bercadang membuat pembangunan tambahan," katanya.



KEE HIONG

Beliau berkata, pengusaha juga perlu memberi jaminan bahawa ternakan 40,000 ternakan ayam itu mengikut pusingan dan tidak menjejaskan persekitaran.



Tapak cadangan pembinaan ladang ternakan ayam yang ditangguhkan Julai lalu, kini disambung semula selepas mendapat kelulusan MTES.

"Semua peraturan tertakluk kepada Seksyen 21 Akta 172 iaitu cadangan membina dua bangunan atau reban ternakan ayam tertutup dengan mematuhi syarat ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Kesihatan, Lembaga Urus Air Selangor (Luas) dan MDHS," katanya.

Beliau berkata, projek membina reban terpaksa ditangguhkan Julai tahun lalu berikutan konflik yang timbul dengan penduduk, namun kini ia diteruskan semula.

"Setakat ini, kita tidak lagi terima sebarang rungutan atau bantahan daripada penduduk dan seharusnya pengusaha ladang dapat mematuhi peraturan yang kita tetapkan.

"Malah, jarak antara reban ayam dengan kediaman penduduk juga mempunyai garis panduan tersendiri supaya tidak menyebabkan penyakit dan masalah kepada masyarakat sekitar," katanya.

Dalam pada itu, menurutnya, MDHS juga perlu menyediakan inventori reban bagi menjalankan audit dan meneliti semula proses kelulusan serta pematuhan syarat pembangunan digariskan.

"Tindakan penguatkuasaan juga akan dibuat bersepadu dan berterusan bagi memastikan syarat pembangunan dipatuhi.

"Jabatan Veterinar juga diminta membantu MDHS memastikan pengusaha mematuhi syarat," katanya.

SINAR HARIAN
Tuntut janji kerajaan negeri – m/s39



HUBUNGI SKUAD KUALA SELANGOR:
ARZIANA MOHMAD AZAMAN - 019-6680950/ 019-3371066

# Tuntut janji kerajaan negeri

## Penduduk kesal tindakan merobohkan kediaman mereka dibuat tanpa sedia kemudahan prasarana di tapak baharu

**IJOK** - Hampir 50 penduduk di Kampung Seri Aman, di sini, kesal apabila rumah mereka dirobohkan meskipun janji kerajaan negeri yang didakwa mahu menyediakan kemudahan prasarana di tapak baharu masih belum ditunaikan.

Penduduk, S Gunasekaran, 59, berkata, dia kecewa apabila tindakan yang dilakukan itu merosakkan harta benda penduduk sehingga mereka terpaksa menanggung kerugian.

Menurutnya, penduduk bukan tidak mahu berpindah ke tapak baharu bahkan sudah menghabiskan wang simpanan hampir RM5,000 untuk membayar premium tanah sejak tiga tahun lalu.

"Kerajaan negeri kata nak sediakan kemudahan prasarana di tapak baru sebab kenakan bayaran kepada penduduk masa serahan geran. Dulu janji macam-macam sampai bagi tiga pilihan dan suruh bayar premium RM1,000, tapi bila dapat tanah baru dekat sungai yang selalu banjir, macam mana kami nak pindah cepat?

"Kos tambak tanah pun kami tak mampu nak bayar. Dulu janji nak sediakan longkang dan kemudahan prasarana sebelum penduduk pindah tapi sekarang datang terus roboh rumah," katanya kepada *Sinar Harian*.

### Terpaksa sewa rumah

Seorang lagi penduduk, D Nageswari, 27, berkata, dia yang baru menetap tiga tahun di kampung itu selepas berkahwin dan mempunyai anak yang masih kecil tidak menyangka akan berdepan nasib begitu.

Menurutnya, dia yang tidak bekerja bergantung hidup dengan suami yang bekerja di stor kilang plastik.

"Kami tak mampu nak sewa rumah, sebab tu tinggal dengan keluarga di rumah setinggan ni. Tapi bila rumah kena roboh, kami terpaksa juga menyewa.

"Mana nak cari duit nak tambak tanah sebab satu lori saja sudah caj RM100. Lagi pula kawasan ni selalu banjir, jadi terpaksalah sewa rumah dulu sementara nak cari jalan lain untuk bina rumah baru," katanya.

Bagi ibu tunggal, T Nanganasawathri, 55, dia sedih dan kecewa mengenangkan rumah yang dibina mendiang suaminya dirobohkan sekelip mata ketika dia dan empat anaknya keluar bekerja.

Jelasnya, banyak barang dalam rumah tidak sempat diselamatkan ketika kerja perobohan dilakukan.

"Kami terpaksa tumpang rumah saudara di Sungai Buloh sebab tak ada tempat tinggal lain. Nak sewa kami tak mampu sebab kawasan ini semuanya RM1,000 sebulan.

"Bukan kami tak mahu pindah tapi tanah yang diberi dekat dengan sungai dan selalu banjir. Dulu, kata nak ukur tapak dulu dan sediakan prasarana sebelum kami pindah tapi ni dah siap-siap roboh rumah pula," katanya.



Gunasegaran menunjukkan sisa rumahnya selepas dirobohkan, Rabu lalu.



**"Bukan kami tak mahu pindah tapi tanah yang diberi dekat dengan sungai dan selalu banjir. Dulu, kata nak ukur tapak dulu dan sediakan prasarana sebelum kami pindah tapi ni dah siap-siap roboh rumah pula."**
- Nanganasawathri



Noh (tengah) bersama penduduk melihat dokumen mengenai status tanah yang mahu dibangunkan untuk dijadikan laluan kepada projek Rumah Selangorku.

### Tindas penduduk miskin

Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan Negeri Selangor, Datuk Seri Noh Omar berkata, pihaknya mempertikaikan dasar yang diambil kerajaan negeri untuk memindahkan setinggan di negeri ini.

Beliau mendakwa, dasar yang diambil kerajaan negeri menindas penduduk miskin yang rata-ratanya bekas pekerja ladang.

"Setidak-tidaknya sediakanlah kemudahan jalan sebab saya difahamkan, tapak baharu lebih rendah dan sering dinaiki air. Mereka bukan tak mahu pindah, tapi masih tagih janji manis kerajaan negeri," katanya.

Noh yang juga Ahli Parlimen Tanjong Karang berkata, pihaknya tidak mahu pemaju mengaut keuntungan lebih dan rakyat pula yang terpaksa menanggung seksa.

Beliau berkata, kerajaan negeri boleh mencontohi projek jajaran Lebuhraya Pantai Barat yang tidak menjejaskan kampung tradisi.

Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmohizam Ibrahim pula berkata, situasi itu seolah-olah penindasan secara halus terhadap kaum India di Ijok.

"Saya akan bincangkan dengan Datuk Seri Noh mengenai bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada penduduk terjejas kerana tak mahu bantuan ini dipolitikkan," katanya.



Gunasegaran menjelaskan kepada Noh berkaitan isu tanah pada kunjungan beliau ke Kampung Seri Aman.

### Penduduk kena akur arahan

Sementara itu, Adun Ijok, Dr Idris Ahmad menegaskan, penduduk perlu akur dengan arahan kerajaan negeri memandangkan kawasan itu adalah tanah rizab untuk dijadikan laluan keluar masuk bagi projek Rumah Selangorku.

Menurutnya, sebanyak 315 unit rumah mampu milik dengan kos RM80 juta akan dibina di kawasan belakang kampung itu di atas tanah seluas 0.6 hektar dan kerja pembinaan akan dilaksanakan dalam masa terdekat.

Beliau berkata, penduduk yang terjejas sudah diberi tanah ganti di kawasan baharu dan Kampung Seri Sentosa selain pemberian borang 5A dan arahan mengosongkan tapak bukan dibuat secara mengejut tapi sejak 2014.

"Pada 1 Julai 2014, satu notis pengosongan pertama diedarkan kepada penduduk manakala 22 Januari lalu, notis pengosongan kedua dibuat. Bahkan, beberapa siri perbincangan secara rasmi dan tidak rasmi diadakan untuk menyelesaikan isu sama.

"Perjumpaan antara saya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan pemilik rumah sudah diadakan pada 10 Mac lalu manakala 21 Mac lalu, satu lawatan dibuat bersama pegawai Pejabat Tanah dan Daerah Kuala Selangor di kampung itu," katanya.

Idris berkata, lawatan itu bagi meninjau tapak yang sudah diukur untuk empat pemilik rumah terbabit dan meminta mereka berpindah.

Menurutnya, kerja meroboh mula dilaksanakan 10 Mei lalu manakala kuil diberi tempoh dua minggu.

"Kerajaan negeri sudah berjaya menyelesaikan masalah tanah di kampung itu yang sudah berlarutan hampir 30 tahun selepas mengambil alih tampuk pimpinan Selangor," katanya.

SINAR HARIAN

Tarik penyertaan luar negara – m/s40





# Tarik penyertaan luar negara

Endurance Ride 2016 dapat sambutan hangat, Raja Muda Selangor antara 1,500 peserta terlibat



Raja Muda Selangor berkenan melakukan acara pelepasan peserta.

Peserta teruja menamatkan kayuhan.

Tengku Amir (depan) ketika kayuhan.

MARLIA ZAKARIA

SHAH ALAM - Seramai 1,500 peserta menyertai Program Kayuhan Shah Alam Enduride (Endurance Ride) 2016 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), semalam.

Malah kayuhan turut disertai Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah yang berkenaan menyempurnakan majlis penyampaian hadiah kepada pemenang.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, program kali ketiga MBSA dengan kerjasama Bike Away itu mempertandingkan dua kategori iaitu Road Race dan Road Bike.

Menurutnya, selain Malaysia penyertaan turut diterima dari luar negara seperti Indonesia, Singapura, Thailand, United Kingdom, India, Australia, New Zealand, Jepun, Brunei dan Jerman.

"Acara dengan jarak sejauh 120 kilometer ini bermula dan tamat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam melalui kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang (MPS); Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) serta Majlis Perbandaran Klang (MPK).

"Peserta yang melengkapkan kayuhan dalam masa ditetapkan menerima sijil dan pingat, malah 10 peserta dengan catatan masa terbaik menerima sijil dan trofi sampingan." katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, MBSA komited melaksanakan program berbasikal yang kini menjadi trend masyarakat khususnya belia.

"Program ini, platform MBSA menganjurkan acara berbasikal bertaraf antarabangsa dalam menjadikan Shah Alam bandar raya sukan.

"Malah, usaha ini juga antara promosi produk pelancongan sukan di Shah Alam," katanya.




Tengku Amir (tengah) bergambar bersama pemenang.



Tengku Amir turut menyertai kayuhan bersama peserta.



Antara 1,500 peserta yang menyertai program kayuhan.

SINAR HARIAN
Selgate Corporation teroka bidang perubatan – m/s42

# Selgate Corporation teroka bidang perubatan

**SHAH ALAM** - Selgate Corporation Sdn Bhd, anak syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memeterai memorandum persefahaman (MoU) bersama Hatimuda Sdn Bhd (Salam Group of Hospitals) bagi membangunkan hospital di Rawang, yang dijangka siap pada 2018.

Ketua Pegawai Eksekutif Selgate Corporation, Noor Hisham Mohd Ghouth berkata, MoU yang ditandatangani itu sebagai usaha sama dalam meneroka serta merancang perniagaan dan kolaborasi membangunkan hospital di Rawang.

"Selgate Corporation melalui anak syarikatnya, Selgate Healthcare Sdn Bhd akan bina lima hospital di Rawang, Gombak, Shah Alam, Setia Alam dan Cyberjaya yang bakal memberikan perkhidmatan kesihatan berkualiti pada kadar berpatutan.

"Selgate Healthcare akan menerokai bidang perubatan dan kesihatan bagi mempromosikan Selangor sebagai hab industri pelancongan kesihatan," katanya.



**Dari kiri: Izhar, Zainal, Azlan dan Noor Hisham ketika majlis menandatangani MoU di Ibu Pejabat PKNS.**

MoU berkenaan ditandatangani Pengurus Besar PKNS, Azlan Md Alifiah dan Noor Hisham bersama Pengerusi Hatimuda Sdn Bhd, Datuk Zainal Bachik dan Pengarahnya, Izhar Ibrahim.

Menurutnya, pembangunan lima hospital itu bakal dibangunkan dengan anggaran kos RM600 juta.

"Projek itu juga dijangka akan memperkukuhkan tarikan Selangor sebagai destinasi utama pelaburan asing dan tempatan," katanya.

SINAR HARIAN
Pasar percuma bantu golongan sasar – m/s42

# Pasar Percuma bantu golongan sasar

**BADAN** Kebajikan Kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah Petaling (Bakip) menganjurkan program Pasar Percuma dalam usaha meringankan beban masyarakat berpendapatan rendah.

Pengarah program, Faridah Ahmad berkata, program yang mendapat kerjasama Masjid Al-Husna Bandar Sunway dan Kindness Malaysia itu bertemakan 'Beri salam, senyum, ambil barang dan ucapkan terima kasih.'

"Ia inisiatif Bakip bantu golongan berpendapatan rendah dapatkan keperluan asas dan harian percuma.

"Bukan itu sahaja, sumbangan khas turut diberi kepada 117 ibu tunggal dalam bentuk barangan keperluan harian rumah," katanya.



Orang ramai memilih barangan mengikut keperluan.



16 May 2016
Berita Harian, Malaysia
Author: Ahmad Suhael Adnan • Section: Nasional • Page: 14 • Printed Size: 623.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,393.00
PR value: MYR 64,179.00 • Item ID: MY0026028693

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



back

# Pengguna keliru perubahan laluan

**Projek Lingkaran Jalan Sehala memungkinkan terjadi kemalangan**

**Oleh Ahmad Suhael Adnan**
ahmad.suhael@bh.com.my

**Petaling Jaya**

Projek Lingkaran Jalan Sehala yang mengubah aliran trafik beberapa jalan utama di pusat bandar di sini menjadi sehala, terus mendapat kritikan pelbagai pihak walaupun sudah hampir dua tahun dilaksanakan.

Jalan terbabit dengan projek yang bermula pada 25 Jun 2014 itu adalah Jalan Sultan, Jalan Utara, Jalan Timur, Jalan Yong Shook Lin, sebahagian Persiaran Barat dan sebahagian Jalan Selangor.

Tinjauan *BH* di laluan itu mendapati, masih ramai pengguna keliru dengan perubahan haluan serta arah yang perlu mereka lalui untuk sampai ke destinasi masing-masing, menyebabkan laluan dilihat menjadi sesak pada waktu puncak.

## Berhenti, meneka laluan

Ada kenderaan terpaksa berundur dalam kesesakan kerana tersalah laluan, tidak kurang ada yang terpaksa berhenti seketika antara persimpangan jalan dan meneka laluan mana perlu diambil.

Pada masa sama, pemanduan di laluan itu seolah-olah menyusuri ombak kerana hampir keseluruhan jalan sepanjang projek itu rosak dan berlubang.

Proses penyelenggaraan sepanjang laluan itu juga kelihatan seolah-olah tidak terurus apabila banyak sisa konkrit dan tanah ditinggalkan di tepi jalan atau di bahagian tengah pembahagi jalan.

Malah, kawasan sekolah juga tidak diletakkan dengan papan tanda menyebabkan risiko kepada pelajar sekolah yang melintas tanpa menggunakan jejantas.

Setiausaha Persatuan Penduduk Petaling Utama PJS 1/50, Abdul Karim Haja, 41, mahu Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menguruskan penyelenggaraan projek itu dengan sistematik bagi memudahkan pengguna dan tidak mengambil masa terlalu lama untuk disiapkan.

"Kontraktor juga mengorek banyak lubang, kemudian tinggalkan begitu saja tanpa sebarang pemberitahuan menyebabkan kereta yang melalui jalan itu akan mengubah haluan saat akhir dan memungkinkan berlaku kemalangan," dakwanya.

## Berlaku kemalangan maut

Beberapa kemalangan pernah dilaporkan berlaku di kawasan itu, antaranya membabitkan seorang pekerja hotel yang terpelanting sejauh hampir 10 meter selepas dilanggar sebuah kenderaan ketika mangsa dalam perjalanan pulang ke rumah sewanya dan maut di tempat kejadian.

Jurutera syarikat swasta, K Kevin, 40, mendakwa projek itu mengecilkan laluan di hadapan Sekolah Kebangsaan (SK) Sri Petaling hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas teruk pada waktu puncak sementara laluan pejalan kaki dibesarkan sehingga tiada ruang untuk van atau bas sekolah serta ibu bapa menunggu anak-anak keluar sekolah, menyebabkan kesesakan di Jalan Utara.



16 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Suhael Adnan • Section: Nasional • Page: 14 • Printed Size: 623.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 21,393.00
PR value: MYR 64,179.00 • Item ID: MY0026028693

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



back

**Reaksi**

**Kekeliruan Projek Lingkaran Jalan Sehala**



"Penyelenggaraan tidak terurus menyebabkan kawasan di hadapan SK Sri Petaling dinaiki air sehingga hampir paras lutut apabila hujan lebat"

***Abdul Karim Haja***
*Setiausaha Persatuan Penduduk Petaling Utama PJS 1/50*



"Ramai pengguna yang keliru bertukar arah sesuka hati kerana ada laluan ditutup tanpa sebarang pemberitahuan sehingga pernah menyebabkan kemalangan"

***Mohd Noor Man,***
*Peniaga*



"Projek ini susahkan pengguna yang terpaksa berpusing jauh untuk ke sesuatu kawasan. Pengguna tidak pernah dimaklumkan tujuan projek ini"

***Kamarul Lamid,***
*Penjawat Awam*





[FOTO MOHD YUSNI ARIFFIN/BH]

***Pengguna jalan terpaksa bertukar haluan pada saat akhir*** *kerana keliru mengenai perubahan laluan dan gambar kanan kesesakan berlaku di Jalan Utara Petaling Jaya berhampiran Sekolah Kebangsaan Sri Petaling.*

BERITA HARIAN
Calon perlu tandingi kecemerlangan Noriah - m/s 21

PARLIMEN SUNGAI BESAR

# Calon perlu tandingi kecemerlangan Noriah

[FOTO FAIZ ANUAR/BH]



**Pekan Sabak Bernam pesat membangun** *di bawah kepemimpinan Noriah.*

# Bakal calon perlu buktikan kebolehan atasi rekod, prestasi penyandang terdahulu

**Oleh Rafidah Mat Ruzki**
fidahruzki@bh.com.my

**Sungai Besar**

Mana-mana calon yang bakal dipilih pucuk pimpinan parti perlu berusaha keras membuktikan kebolehan mereka mengatasi prestasi dan rekod yang sudah dilakar penyandang terdahulu, Allahyarham Datuk Noriah Kasnon.



Arwah adalah seorang yang kuat bekerja, mudah didekati"

***Budiman Zohdi,***
*Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Panjang*

**Penanda aras**

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman Zohdi, berkata ia berikutan Noriah sudah meletakkan tanda aras yang tinggi melalui kerjanya di kawasan Parlimen Sungai Besar.

"Perkara yang lebih penting adalah untuk menyambung kecemerlangan kerja dan kepemimpinan Noriah.

Saya fikir, itu terbukti dengan kemenangan beliau dalam tiga Pilihan Raya Umum (PRU) berturut-turut. Itulah kecemerlangan yang perlu dipertahankan.

**Mudah didekati**

"Arwah adalah seorang yang kuat bekerja, mudah didekati, mengamalkan protokol yang minimum serta sentiasa ringan tangan untuk membantu pengundi di kawasan.

"Begitu kuat imej dan momentum kerja arwah, itu boleh dijadikan landasan atau penanda aras apa yang dikehendaki oleh rakyat," katanya kepada pemberita di sini, semalam.



16 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 15 • Printed Size: 695.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 23,957.25
PR value: MYR 71,871.75 • Item ID: MY0026028694

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



back

# MBPJ usaha kurangkan kesesakan lalu lintas

## Arah kontraktor siapkan kerja ikut tempoh

**Petaling Jaya:** Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengakui pengguna jalan sehala sepanjang lingkaran di pusat bandar Seksyen 52, di sini keliru dengan arah masing-masing disebabkan perubahan aliran lalu lintas sepanjang penyelenggaraan jalan itu.

Penolong Pengarah Kanan Komunikasi Korporat MBPJ, Zainun Zakaria, berkata kekeliruan itu mungkin menjadi antara punca kesesakan yang berlaku di laluan berkenaan.

Bagaimanapun katanya, keadaan itu bersifat sementara berikutan keadaan lalu lintas di situ dalam fasa pembinaan dan terdapat jalan terpaksa ditutup pada satu-satu masa bagi membolehkan kerja pembinaan dijalankan.

**Ada projek agensi lain**

"Selain Projek Lingkaran Jalan Sehala ini, terdapat juga kerja dilakukan pihak ketiga iaitu pembinaan paip pembetungan serta kerja penyelenggaraan oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan syarikat telekomunikasi yang dilaksanakan di laluan sama.

"Bagi mengurangkan masalah kesesakan dan kekeliruan, MBPJ sudah mengarahkan kontraktor terbabit menyiapkan penyelenggaraan mereka dalam tempoh ditetapkan," katanya kepada *BH*.

Zainun berkata, kemajuan pro-



16 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 15 • Printed Size: 695.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 23,957.25
PR value: MYR 71,871.75 • Item ID: MY0026028694

isentia.mediaportal
Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

